



GENTING
CRUISE LINES

PENANGPORT
A Member of **MMC Group**

STAR CRUISES, KRUIS PERTAMA YANG KEMBALI BEROPERASI DENGAN PELAYARAN YANG SELAMAT DI PULAU PINANG BERMULA 22 DISEMBER 2021.



Kiri ke Kanan (Pulau Pinang): Encik Mohamed Shaffi bin Khatri Abdulla, Pengurus Besar (SPCT), Puan Monaliza binti Suhaimi, Pengurus Besar (SPPP), Datuk Tan Teik Cheng, Pengerusi (SPPP), Kapten Havard Ramsoy, Timbalan Kanan Presiden, Operasi Marin & Keselamatan (Genting Cruise Lines), Puan Cynthia Lee, Timbalan Presiden Bahagian Jualan (Genting Cruise Lines) & Dato Syed Mohamad bin Syed Murtaza, Pengerusi (PPSB) di Majlis Pelancaran Pengoperasian Kembali Star Cruises dari Pulau Pinang bermula 22 Disember 2021.

Pulau Pinang (Malaysia), 4 Disember 2021 – Genting Cruise Lines, bersama-sama Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP) dan Penang Port Sdn. Bhd. (PPSB) berbesar hati ingin mengumumkan bahawa Kerajaan Malaysia telah membenarkan operasi kruis domestik. Star Cruises akan memulakan operasi pelayaran pada 22 Disember 2021 menggunakan kapal persiaran Star Pisces. Sebagai kapal persiaran antarabangsa yang pertama, Star Pisces akan menyediakan lima (5) perjalanan setiap minggu, menawarkan siri jadual perjalanan pergi dan balik dari Pulau Pinang, termasuk jadual perjalanan kapal kruis 2 malam ke Langkawi, 1 malam ke Selat Melaka dan menyediakan lebih banyak pilhan percutian semasa cuti sekolah, cuti akhir tahun dan cuti perayaan hari Krismas.

Genting Cruise Lines merupakan syarikat kruis antarabangsa pertama didunia yang melopori dan dengan jayanya memulakan kembali pengoperasian Dream Cruises bermula di Taiwan, Singapura dan Hong Kong. Genting Cruise Lines dengan pengalaman dan kepakaran dalam mengendalikan kapal kruis yang selamat juga merancang untuk melancarkan lebih banyak kapal dibawah seliaan Star Cruises bermula dengan Star Pisces di Pulau Pinang, Malaysia.

Star Pisces pada awalnya akan beroperasi dengan had penumpang sebanyak 50% serta langkah kawalan pencegahan yang dipertingkatkan dimana ianya selaras dengan keperluan tempatan dan piawaian antarabangsa. Setiap individu diatas kapal hendaklah dipastikan telah mendapat vaksinasi penuh bagi memastikan keselamatan penumpang dan kru yang lain diatas kapal. Selain itu, penumpang yang ingin memulakan perjalanan harus menunjukkan keputusan negatif setelah membuat Antigen Rapid Test (ART) sebelum menaiki kapal, dimana ianya akan dijalankan di terminal kruis pada hari berlepas.



GENTING
CRUISE LINES

P PENANGPORT
A Member of MMC Group

“Sebagai sebahagian daripada Genting Cruise Lines, Star Cruises amat berbesar hati untuk merintis perkhidmatan kapal kruis selamat di Malaysia, dan bekerjasama dengan Kementerian berkaitan, SPPP dan PPSB bagi menyokong Pelan Pemulihan Negara termasuk program gelembung pelancongan antarabangsa Langkawi. Kami berharap agar dapat menjelajahi lebih banyak destinasi didalam Malaysia, dan meluaskan lagi ke destinasi-destinasi wilayah seperti Phuket pada masa hadapan bagi memacu industri pelancongan kruis. Kami juga sedang sedaya upaya bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Pelabuhan yang lain bagi mewujudkan ‘Harmonize Cruising Standards’ dalam wilayah tertentu dengan harapan adanya pembukaan kembali aktiviti kruis antarabangsa secara berperingkat dan dikawal rapi dimana ianya akan menarik pelancong untuk ke Malaysia terutamanya daripada kapal kami di Singapura,” ulas Encik Kent Zhu, Presiden Genting Cruise Lines.

“Apabila MKN membenarkan kruis domestik dilaksanakan, industri kruis telah diberi nafas baru untuk beroperasi semula. SPPP, Genting Cruise Lines, Penang Port Sdn. Bhd. serta agensi-agensi Kerajaan lain yang terlibat telah berganding bahu untuk memastikan operasi kruis domestik dapat bermula seawal mungkin. SPPP percaya pakej-pakej yang ditawarkan oleh Star Cruises di bawah Genting Cruise Lines memberikan satu alternatif percutian yang dinanti-nantikan oleh rakyat Malaysia memandangkan melancong ke luar negara masih belum dibenarkan pada masa ini. SPPP juga percaya pengoperasian semula kruis domestik akan merancakkan lagi sektor pelancongan dan serta sector-sektor lain yang menyokong industri kruis. Adalah menjadi harapan SPPP agar operasi kruis domestik berjalan dengan lancar mengikut SOP yang ditetapkan dan dalam jangka masa terdekat kruis antarabangsa dapat dibenarkan untuk beroperasi semula,” kata Datuk Tan Teik Cheng, Pengerusi, SPPP.

Tempahan Star Pisces akan dibuka bermula pertengahan bulan Disember ini dan terbuka kepada semua rakyat Malaysia, pendatang asing dengan pas lawatan jangka masa panjang yang sah, serta pelancong antarabangsa yang telah melengkapkan tempoh masa kuarantin, dan perintah pengawasan dan pemerhatian oleh Kerajaan Malaysia. Para pelancong boleh memilih konsep pelancongan terkini yang lebih baik berbanding dengan pelancongan berkonseptan darat yang sedia ada dimana para pelancong dapat merasai pengalaman pengembalaan kapal kruis ‘Super Seacation’ yang menyegarkan dengan Star Pisces bermula dari RM199 bagi setiap seorang. Semasa pengembalaan, penumpang boleh menikmati bayu laut dan sinaran matahari yang menyegarkan, pelbagai aktiviti masa lapang dan kemudahan rekreasi yang terdapat di Star Pisces seperti kolam renang, Jacuzzi, trek larian, salon rambut dan kecantikan, urutan, refleksologi dan gimnasium, permainan berteknologi tinggi VR, kedai bebas cukai, siaran langsung persembahan hiburan dan makanan disediakan yang merangkumi hidangan kegemaran antarabangsa dan tempatan.

Memandangkan kesemua perkhidmatan pelancongan menitikberatkan tentang keselamatan, Star Cruises telah mengambil inisiatif untuk memeriksa dan meningkatkan elemen kesihatan, kebersihan dan protokol operasi bagi memastikan keselamatan penumpang di atas kapal. Ianya adalah termasuk penjarakan sosial di semua kawasan diatas kapal, prosedur penyediaan makanan dan minuman yang selamat serta protokol nyahkuman dan pembersihan yang teliti.



Star Cruises juga membenarkan 100% udara segar dari luar untuk ditapiskan dan disalurkan kepada keseluruhan kapal termasuk bilik kabin bagi memastikan pengudaraan yang sihat, berterusan dan tiada peredaran semula udara sesama bilik kabin. Star Cruises juga telah menerima sijil 'Certification in Infection Prevention for Marine Industry (CIP-M)' daripada pakar perubatan yang terkemuka iaitu DNV. Kapal itu juga tersedia dengan doktor dan jururawat termasuk Pegawai Kawalan Jangkitan (ICO), Pusat Perubatan dengan mesin Polymerase Chain Reaction (PCR) bagi tujuan ujian COVID-19 diatas kapal serta kabin pengasingan.

"Penang Port Sdn. Bhd. (PPSB) berbesar hati untuk mengumumkan bahawa industri kruis di Malaysia akan kembali beroperasi bermula 22 Disember 2021. Ianya merupakan peristiwa yang sangat-sangat dinantikan untuk memulakan perkhidmatan kruis semasa Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 oleh Kerajaan. PPSB akan bekerjasama bersama Star Cruises di bawah Genting Cruise Lines bagi memastikan perkhidmatan yang disediakan adalah selamat dan selesa. Para penumpang tidak lagi perlu risau oleh kerana Swettenham Pier Cruise Terminal (SPCT) dikawal dengan rapi untuk keselamatan para penumpang dengan adanya SOP yang ketat dan panduan bagi membendung penularan COVID-19. Dengan terjalannya kerjasama bersama Genting Cruise Lines, kami berharap sektor pelancongan domestik kembali pulih dan prestasi pencapaian perkhidmatan cruise ditingkatkan," ujar Dato' Sasedharan Vasudevan, Ketua Pegawai Eksekutif, PPSB.

"Sepertimana sebahagian negara lain yang terkesan akibat pandemik, penduduk Malaysia juga berhak untuk berehat. Oleh itu, kami mengalu-alukan para pengembara dari Malaysia ke Star Cruises dan kami akan menyediakan percutian kruis 'Super Seacation' yang selamat dan penuh kenangan," tambah Encik Kent Zhu.

About Genting Cruise Lines

Genting Cruise Lines is a division of Genting Hong Kong comprising of three distinct cruise brands – Star Cruises, Dream Cruises and Crystal Cruises – providing a range of cruises from contemporary cruises to ultra-luxurious vacation experiences spanning the sea and air.

Star Cruises is a pioneer in the Asia Pacific cruise industry and has been operating its contemporary cruise fleet since 1993, taking on the bold initiative to grow the region as an international cruise destination with its fleet consisting of SuperStar Gemini, SuperStar Aquarius and Star Pisces.

Star Cruises' commitment in offering best-in-class services and facilities is reflected in a host of recognitions and accolades received over the years. These include being inducted into the prestigious Travel Trade Gazette's "Travel Hall of Fame" for a twelfth year in 2019 in recognition of winning "Best Cruise Operator in the Asia-Pacific" for 10 consecutive years. Star Cruises was also recently voted "Asia's Leading Cruise Line" at the World Travel Awards for a ninth year in a row in 2020.

Dream Cruises was launched in 2016 delivers the highest level of guest service and spacious comfort in the region in the premium/luxury segments. Genting Dream which debuted in 2016 and World Dream, in 2017, serves the Hong Kong and Singapore markets and provide passengers with inspirational journeys at sea that are Asian at heart and international in spirit. Explorer Dream joined the fleet in April 2019 and now is positioned in Taiwan. The 208,000 gross ton Global Dream is being built in MV Werften, a subsidiary of Genting Hong Kong, in Germany for delivery in 2022.

Dream Cruises has been recognized by the Berlitz Cruising and Cruise Guide 2020, ranking Genting Dream and World Dream once again in the world's top ten Large Resort Ships – the only two highest rated ships to homeport year-round in Asia. Dream Cruises' third ship, Explorer Dream, also made her debut in the Berlitz Cruising and Cruise Ships 2020 guide under the "Mid-Sized Ship" category in the Top 20 position. Dream Cruises was also recently awarded 'Best Service Cruise Line' at the Travel Trade Gazette's (TTG) China Travel Awards 2020 and 'Best Cruise Line – Cuisine', 'Best Cruise Line – Entertainment' and 'Best Cruise Line – Family' by the Travel Weekly Asia Readers' Choice Awards 2019.



GENTING
CRUISE LINES

P PENANGPORT
A Member of  MMC Group

Crystal Cruises has redefined the way the world views luxury travel by sea, river, land and air. The world-renowned Crystal Experience – featuring global journeys with Crystal Ocean Cruises, Crystal River Cruises, Crystal Yacht Cruises, Crystal Expedition Cruises and Crystal Air – continues to entice the world's most discerning travellers with incomparable luxury and unparalleled personal service.

Honoured by the world's most respected media outlets and travel experts, Crystal has long legacy of excellence receiving more "World's Best" and "Readers' Choice" awards than any other cruise line in history. Among its recent accolades are inclusion in Condé Nast Traveler Magazine's "Gold List" (1997-2014, 2016-2020) and "Readers' Choice Award – Best Medium Cruise Line" (1992 & 1993, 1995-2005, 2007-2020) and "Readers' Choice Award – Best Small-Ship Cruise Line: Crystal Yacht Cruises" (2019-2020), TTG Luxury Travel, UK "Ultra-Luxury Cruise Line of the Year" (2020) and Travel + Leisure Magazine "Best River Cruise Line – Crystal River Cruises" (2017, 2020) to name only a few.

Through its family of brands, Genting Cruise Lines offers the widest and most imaginative spectrum of cruise products for the modern traveller, catering to all segments, geographies, life stages and travel styles.

For media enquiries, please contact:

(Mr) ONG Hsieh Lien
Corporate Communications
hsiehlien.ong@gentingcruiselines.com

(Ms) ANG Chia Ling
Corporate Communications
chialing.ang@gentingcruiselines.com